

SOALAN NO. 420

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[BACHOK]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan jumlah kes kaunseling menurut kategori kes dan daerah di  
Kelantan. Apakah mangsa-mangsa trauma jenayah, kemalangan dan  
kebakaran tidak dijadikan keutamaan untuk diberi kaunseling.

42

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa peka dan fokus dalam memberikan perkhidmatan kaunseling kepada komuniti dan masyarakat yang memerlukan perkhidmatan berkenaan. Para kaunselor JKJ yang ditempatkan di setiap daerah di seluruh negara melaksanakan pelbagai jenis kaunseling mengikut keperluan individu yang memerlukan perkhidmatan berkenaan. Bagi Negeri Kelantan sehingga September 2017 sebanyak **7,390** perkhidmatan kaunseling telah dilaksanakan. Manakala pecahan mengikut daerah pula adalah seperti berikut;

<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Khidmat Kaunseling</b>
Kelantan	Bachok	85
	Tanah Merah	674

Negeri	Daerah	Bilangan Khidmat Kaunseling
	Jeli	322
	Tumpat	1,114
	Pasir Mas	74
	Machang	888
	Pasir Puteh	683
	Kota Bharu	1,029
	Kuala Krai	2,162
	Gua Musang	359
		<b>7,390</b>

Dewasa kini, masyarakat di serata dunia sering dikejutkan dengan kejadian dan peristiwa yang menggemparkan seperti jenayah, kebakaran, kemalangan udara dan darat, malapetaka alam dan banyak lagi. Rentetan dari peristiwa kritikal ini meninggalkan kesan psikologikal yang mendalam yang mungkin akan kekal kepada sesetengah mangsa atau pun keluarga mangsa (waris). Mangsa-mangsa trauma atau krisis yang terlibat pula

sekiranya tidak segera diberikan bantuan dari aspek fizikal mahupun psikologikal akan memburukkan lagi keadaan sehingga menyebabkan *Post Traumatic Stress Disorder* (PTSD) yang serius dan ada pula yang mengambil tindakan membunuh diri kerana langsung tidak nampak jalan penyelesaiannya.

Menyedari betapa serius kesan yang mangsa-mangsa berkenaan akan lalui, Para kaunselor Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa bersiapsiaga bagi memberikan bantuan menangani trauma atau/dan krisis yang dihadapi. Malah penglibatan dan kehadiran kaunselor JKM diketahui sangat penting apabila sesuatu kejadian bencana atau krisis berlaku. Para Kaunselor di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dilatih dengan pelbagai kemahiran, teknik, strategi dan ilmu-ilmu intervensi dalam mengendalikan kes-kes trauma dan krisis agar perkhidmatan kaunseling berkesan dan memberi impak yang besar kepada kesejahteraan kehidupan mangsa trauma.